

Penyampai : DATIN SERI DR. SITI HASMAH BINTI HAJI MOHD. ALI
Tajuk : UPACARA PERASMIAN KURSUS ISTERI-ISTERI PEGAWAI TINGGI KERAJAAN
MALAYSIA, 1985
Lokasi : INTAN, BUKIT KIARA, DAMANSARA
Tarikh : 18-11-1985

Yang Berusaha Dr. Mazlan bin Ahmad, Pengarah INTAN;

Puan Sri-Puan Sri;

Datin-Datin;

Tuan-tuan dan Puan-puan serta peserta-peserta kursus sekalian.

Terlebih dahulu saya mengucapkan terima kasih kepada pihak INTAN yang telah sudi menjemput saya pada pagi ini untuk merasmikan kursus yang diadakan khas untuk isteri-isteri pegawai tinggi Kerajaan. Saya juga ingin mengucapkan tahniah kepada INTAN dan ahli-ahli Jawatankuasa Kursus yang telah berusaha untuk melaksanakan kursus ini sebagaimana yang kita lihat pada hari ini.

2. Kursus ini diadakan untuk memberi panduan kepada isteri-isteri pegawai tinggi Kerajaan supaya dapat menjadi 'hostess' yang baik di majlis-majlis rasmi dan majlis-majlis yang ditaja oleh suami puan-puan. Kursus ini juga bertujuan untuk memberi panduan kepada para isteri supaya dapat memainkan peranan dengan lebih berkesan lagi sebagai penggerak atau ketua kepada isteri-isteri dan anggota wanita di kementerian atau jabatan di mana suami puan-puan bertugas. Saya percaya, kursus ini akan dapat meninggikan kesedaran puan-puan sebagai isteri pegawai tinggi Kerajaan.

Puan-puan mempunyai peranan yang sangat penting dalam memberi teladan, contoh dan pimpinan kepada masyarakat wanita di negara kita.

3. Isteri-isteri, pada hemat saya, adalah merupakan suatu kuasa yang senyap tetapi membawa kesan dan manfaat yang amat luas. Peranan dan sumbangan mereka tidaklah harus dihadkan hanya setakat di rumah sahaja. Ini memandangkan kerana segala tingkahlaku mereka di rumah dan di luar rumah mempunyai kesan terhadap ketenteraman dan keupayaan suami dalam menjalankan tugas-tugas rasmi mereka.

4. Dalam tempoh pembangunan negara sekarang ini, kita telah mencapai peringkat di mana kalangan isteri-isteri mempunyai peranan yang lebih luas. Sebagai pemimpin kaum wanita, berikutan tarafnya sebagai isteri pegawai tinggi Kerajaan, puan-puan secara tidak langsung bergerak sebagai 'catalyst' kepada golongan-golongan wanita yang lain. Sikap dan tingkah laku puan-puan mempunyai kesan-kesan tertentu sama ada positif ataupun negatif. Tambahan pula jika sebagai isteri wakil rasmi di luar negara, peranan isteri-isteri adalah mempunyai 'dimension' dan 'impact' yang amat mustahak.

Puan-puan sekalian.

5. Segala tindakan suami puan pada masa menjalankan tugasnya sebagai pemimpin Kerajaan ada kaitan rapat dengan imej dan kelicinan pentadbiran Kerajaan. Mereka adalah orang-orang yang selalu mendapat perhatian masyarakat. Oleh yang demikian, pertalian puan sebagai seorang isteri adalah perlu dititikberatkan. Puan-puan dikehendaki menjaga selalu nama baik dan maruah suami puan-puan kerana sekiranya ini dapat dipelihara, imej dan jentera Kerajaan akan juga menikmati jasa puan-puan sekalian. Ini adalah satu amanah yang harus puan-puan laksanakan dengan tekun dan sabar.

6. Saya juga berharap supaya tanggungjawab terhadap keluarga dan anak-anak tidak diabaikan walaupun puan-puan akan terus sibuk dengan tugas-tugas seperti yang dinyatakan.

Dengan ertikata lain, mendidik dan membimbing anak-anak juga perlu diberikan perhatian yang sewajarnya. Sebagaimana yang kita ketahui, masalah dadah adalah masalah yang serius dan Kerajaan

sedang berusaha dengan sedaya-upaya untuk membasminya. Peranan puan-puan dalam hal ini sangatlah diperlukan untuk membantu isteri-isteri pegawai-pegawai lain di jabatan-jabatan di mana puan-puan bertugas supaya bertindak dengan lebih berkesan lagi untuk mengatasi gejala ini. Anak-anak kita mestilah dipupuk dengan nilai dan kebudayaan Malaysia demi untuk menyemai semangat dan perasaan cintakan negara sendiri. Walaupun kursus ini tentu tidak dapat menyelesaikan segala masalah yang dihadapi oleh puan-puan sekalian, namun saya rasa ianya akan dapat meninggikan kemampuan puan-puan untuk menghadapi masalah-masalah di masa hadapan.

7. Saya percaya kursus yang puan-puan akan ikuti ini boleh memberikan pemahaman mengenai soal-soal asas dan penting dari segi pembentukan sikap kepimpinan, teknik perhubungan yang berkesan, dasar dan struktur pentadbiran negara, sejarah kebudayaan sosial negara, protokol, tatasusila sosial dan sebagainya untuk memberi keyakinan terhadap apa yang harus dilakukan atau diperkatakan dalam membantu tugas- tugas harian suami puan-puan.

8. Akhirk kata, bagi puan-puan yang akan mengikuti kursus ini, saya ucapkan selamat berkursus dan ikutilah kursus ini dengan hati yang terbuka, semoga puan-puan terus maju jaya dalam menjalankan tugas dan tanggungjawab masing-masing.

9. Dengan kata-kata ini, saya dengan sukacitanya mengisytiharkan Kursus Isteri-Isteri Pegawai Tinggi Kerajaan Malaysia 1985 ini dibuka dengan rasminya.

Terima kasih.